

Bausch & Lomb Boston ADVANCE™ Comfort Formula Conditioning Solution/ Larutan Perapi Rumusan Selesa Bausch & Lomb Boston ADVANCE™

Tindakan:

Meningkatkan kebolehbasahan, mengurangkan geseran antara kanta lekap dengan kornea, mengandungi agen disinfeksi yang berkesan menghapuskan kuman berbahaya pada kanta lekap.

Ramuan:

Poliaminopropil Biguanida (0.0005% w/v), klorheksidina glukonat (0.003% w/V), EDTA (0.05% w/v); garam dan agen penimbal, polikuaternium 10, pelikat selulosa, polivinil alkohol, polietilena glikol terbitan.

Bausch & Lomb Boston ADVANCED™ Cleaner/ Pembersih Bausch & Lomb Boston ADVANCED™

Tindakan:

Menyingkirkan selutut, mendapan degil (termasuk protein dan lipid) dan kotoran yang terkumpul pada kanta lekap fluoro silikon akrilat dan silikon akrilat.

Ramuan:

Alkil eter sulfat (9.8% w/v), alkil fenol teretoksilat, natrium klorida, ampaian silika, natrium fosfat dwibes, dan koko trikuaternya berasaskan fosfolipid, dan titanium dioksida.

Bausch & Lomb Boston™ Rewetting Drops /Titisan Pembasahan Semula Bausch & Lomb Boston™

Tindakan:

Menyalut permukaan kanta lekap untuk melindungi permukaan daripada kering dan mendapan yang melekat.

Ramuan: Klorheksidina glukonat (0.006% w/v), dinatrium edetat (0.05% w/v), garam dan agen penimbal, polivinil alkohol, terbitan selulosa kation, poloksamer 407, hidroksietil selulosa

Bausch & Lomb Boston™ One Step Liquid Enzymatic Cleaner/Cecair Pembersih Berenzim Satu Langkah Bausch & Lomb Boston™

Tindakan:

Pembersih ini ialah pembersih yang unik dan mudah digunakan. Pembersih ini dirumus khas untuk menghilangkan mendapan protein dengan berkesan pada kanta lekap RGP apabila digunakan sekali seminggu.

Ramuan:

Larutan steril dan akues yang mengandungi enzim proteolitik (subtilisin) sebagai ramuan aktif dan glicerol. Tiada pengawet.

Penjagaan Kanta Lekap Harian dengan menggunakan Bausch & Lomb Boston ADVANCE™ SYSTEM

1. Pembersihan harian

Gosok kedua-dua belah kanta lekap dengan 2 hingga 4 titis Pembersih Boston ADVANCE™ di atas tapak tangan anda selama 20 saat.

2. Bilasan

Hapuskan kotoran permukaan dengan membilas sebersih-bersihnya menggunakan larutan bergaram atau seperti yang disyorkan oleh pengamal penjagaan mata anda.

3. Disinfeksi/Rendaman

Letakkan kanta lekap yang telah dibersihkan di dalam bekas kanta lekap dan isikan dengan Larutan Perapi Rumusan Selesa Boston ADVANCE™ yang baharu. RENDAM SEKURANG-KURANGNYA SELAMA 4 JAM. Kini, kanta lekap anda sedia untuk dipakai. Untuk perlindungan tambahan, bilas kanta lekap dengan Larutan Perapi Formula Selesa Boston ADVANCE.

Pembersihan Berenzim secara Mingguan

Gunakan Cecair Pembersih Berenzim Satu Langkah Bausch & Lomb BostonTM semasa mendisinfeksi dalam regimen penjagaan kanta lekap. Letakkan 2 titis cecair ke dalam setiap ruang kanta lekap yang telah diisi dengan Larutan Perapi Formula Selesa Bausch & Lomb BostonTM. Rendam sekurang-kurangnya selama 4 jam. Gosok dan bilas kanta lekap dengan Larutan Perapi Formula Selesa Bausch & Lomb BostonTM. Kini, kanta lekap anda sedia untuk dipakai.

Pembasahan Semula

Gunakan cecair semasa memakai kanta lekap. Titiskan satu hingga tiga titis Titisan Pembasahan Semula Bausch & Lomb BostonTM pada kedua-dua mata seperti yang diperlukan atau yang diarahkan oleh pengamal penjagaan mata anda.

LANGKAH BERJAGA-JAGA:

- Jangan guna semula larutan.
- Jangan sentuh hujung penitis bekas pada mana-mana permukaan kerana ia boleh mencemarkan larutan.
- Pastikan botol tertutup rapat ketika tidak digunakan.
- Sentiasa basuh dan bilas tangan anda sebelum mengendalikan kanta lekap.
- Selepas memakai kanta lekap anda, sentiasa bersihkan bekas simpanan kanta lekap, bilas sebersih-bersihnya dan biarkan kering.
- Simpan pada suhu bilik (15-30°C). Lindungi daripada beku.
- Gunakan produk sebelum tarikh luput yang ditandakan pada bekas.
- Sentiasa rendam kanta lekap dalam Larutan Perapi.
- Jangan rendam kanta lekap dalam Pembersih.
- Buang semua kesan Pembersih dengan larutan bergaram yang baharu selepas pembersihan atau seperti yang disyorkan oleh pengamal penjagaan mata anda.
- Jauhkan produk daripada kanak-kanak.
- Jangan gunakan larutan jika jalur bercetak pada botol hilang atau rosak.
- Larutan BostonTM tidak boleh digunakan untuk kanta lekap lembut.
- **BUANG LARUTAN SELEPAS 90 HARI BOTOL DIBUKA.**
- Jangan gunakan larutan jika anda alah kepada mana-mana ramuan dalam larutan ini.
- Dapatkan nasihat pakar penjagaan mata anda jika perlu.
- Jika pembersih (harian atau mingguan) termasuk ke dalam mata anda secara tidak sengaja, tanggalkan kanta lekap dan segera bilas mata anda dengan larutan bergaram yang baharu sehingga pembersih hilang.
- **JANGAN CAMPURKAN LARUTAN DENGAN CECAIR LAIN MELAINKAN SEPERTI YANG DIARAHKAN.**
- **JANGAN GUNAKAN LARUTAN DENGAN APA-APA UBAT MATA MELAINKAN ATAS NASIHAT PERUBATAN.**

®/TM menandakan tanda dagangan Bausch & Lomb Incorporated.

© Bausch & Lomb Incorporated